

# Sasar 3,170 usahawan baharu guna fasiliti UPM

**Sungkai:** FELDA dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang mengenal pasti 15 projek keusahawanan bernilai tinggi, untuk dilaksanakan di tanah rancangan dengan pembabitian peneroka.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerjasama itu menyasar 3,170 usahawan baharu dalam tempoh lima bulan dengan menggunakan fasiliti di Fakulti Pertanian UPM.

Beliau yakin, kerjasama itu akan dapat mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu kepada warga FELDA, sekali gus meningkatkan pendapatan peneroka.

“Kerajaan akan terus membantu melahirkan usahawan berjaya dalam kalangan warga FELDA.

“Kerajaan juga memperuntukkan RM200 juta untuk menaik taraf dan menyelenggara jalan kebun untuk manfaat peneroka di tanah-tanah rancangan FELDA seluruh negara.



**Peneroka Wilayah Jengka ketika sesi interaktif secara dalam talian bersama Muhyiddin sebelum perasmian sambutan Hari Peneroka 2020 di Pejabat Felda Wilayah Jengka, semalam.** (Foto BERNAMA)

“Langkah ini dijangka akan meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil peneroka dan mengurangkan beban hutang peneroka selama ini yang ter-

paksa menanggung kos pembai-  
kan jalan kebun,” katanya ketika berucap sempena sambutan Hari Peneroka 2020 semalam.

Perdana Menteri berkata, bagi memelihara kebajikan pendidikan anak peneroka, kerajaan ber-setuju memperuntukkan RM45 juta bagi menaik taraf Asrama

Semai Bakti FELDA di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuantan.

“Kita harap peruntukan ini dapat menyediakan kediaman yang lebih selesa kepada anak-anak peneroka dan seterusnya meningkatkan kecemerlangan pendidikan mereka,” katanya.

Muhyiddin berkata, pemohon pinjaman perumahan menerusi skim Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) akan menikmati beberapa kelonggaran syarat daripada Agrobank, termasuk kadar faedah lebih rendah.

Katanya, mereka juga akan mendapat kadar pembiayaan lebih tinggi iaitu 110 peratus daripada harga rumah dengan nilai maksimum RM300,000.

Susulan itu, satu memorandum persefahaman (MoU) dimeterai dengan Agrobank semalam, untuk memberikan kemudahan pinjaman kepada warga peneroka bagi memiliki rumah sendiri.